



AMINUDDIN ketika membentangkan Rang' Undang-Undang Perbekalan (2023) 2022 (Belanjawan 2023) di Seremban kelmarin.

Dapat meningkatkan prestasi kerja penjawat awam

Pemberian insentif khas disambut baik

Oleh HARRITH HISHAM

PETALING JAYA – Beberapa insentif khas yang diberikan kepada penjawat awam di Negeri Sembilan pada pembentangan Belanjawan 2023 negeri itu kelmarin diharap dapat mempertingkatkan produktiviti dan mutu penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Datuk Dr. Razali Ab. Malik berkata, pihaknya menyambut baik insentif khas yang diumumkan itu.

Sehubungan itu, beliau meneru agar semua penjawat awam berganding bahu memberikan perkhidmatan terbaik bagi mengembalikan ke-

gemilangan negeri.

"Saya mewakili penjawat awam di negeri ini merakamkan penghargaan dan terima kasih atas pembentangan Belanjawan Negeri Sembilan 2023.

"Ini adalah pengiktirafan dan penghargaan kepada penjawat awam yang sentiasa memberikan komitmen tinggi dan kecemerlangan perkhidmatan," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Razali berkata, selain Bantuan Khas Kewangan (BKK), mereka yang layak akan menerima kemudahan pinjaman pembelian komputer dan kenderaan tanpa faedah untuk tahun ketiga.

"Kerajaan negeri juga memberi peruntukan menambah baik penyampaian perkhidmatan

melalui SPTB PLUS (SKHT) dan perluasan e-DOKET.

"Ia bagi meningkatkan kecekapan kutipan hasil negeri dan membolehkan urusan dibuat secara online," ujarnya.

Kelmarin, Menteri Besar, Datuk Aminuddin Harun ketika membentangkan Rang' Undang-Undang Perbekalan (2023) 2022 (Belanjawan 2023) bertemakan Melunas Janji Menggalas Harapan menyediakan sembilan bidang dengan 64 inisiatif bagi membantu rakyat.

Antaranya, pemberian BKK satu bulan setengah gaji atau minimum RM2,500 melibatkan 5,599 penjawat awam negeri itu yang akan dibayar pada Januari dan April 2023.